

IPT digalak tingkat kajian

UPM terajui usaha kenal pasti sumber tenaga diperbaharui

Oleh Rosniza Mohd Taha
bhnews@bharian.com.my

SERDANG: Pendidikan pada peringkat pengajian tinggi tidak harus sekadar melahirkan modal insan yang memenuhi keperluan tenaga kerja semasa tetapi juga mampu melahirkan pemikir melangkaui zaman bagi menyediakan negara menangani cabaran masa depan yang lebih kompetitif dan dinamik.

Pro Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Tan Sri Rozali Ismail, berkata institusi pengajian tinggi (IPT) yang banyak menghasilkan kajian dalam pelbagai bidang menerusi kepakaran perlu menerajui usaha itu dengan menjalankan penyelidikan dalam bidang berpotensi dibangunkan dan berkongsi hasil dengan masyarakat.

Beliau memberi contoh UPM yang kini mengorak langkah awal ke arah itu dengan mengenal pasti sumber



KHAIRUNNIZAH LOKMAN | BERITA HARIAN

GRADUAN tajaan Sime Darby Plantation pada majlis Konvokesyen UPM Ke-32 di Serdang, semalam.

tenaga boleh diperbaharui sebagai satu bidang yang diberikan keutamaan dan fokus penyelidikan semasa universiti.

“Saya difahamkan UPM mengorak langkah lebih awal bagi menerajui bidang ini dengan mengenal pasti alternatif tenaga boleh diperbaharui sebagai satu bidang yang diberikan keutamaan

dan fokus penyelidikan universiti.

“Kepakaran kompetitif yang dimiliki UPM terutama dalam bidang pertanian membuka ruang dan peluang yang luas kepada universiti untuk terbabit dalam penyelidikan sumber tenaga berdasarkan sumber pertanian,” katanya ketika berucap pada sidang keempat Majlis Kon-

vokesyen Ke-32 UPM, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Razali berkata, jika penyelidikan bidang tenaga boleh diperbaharui berasaskan pertanian dijalankan dengan berkesan, kebergantungan masyarakat luar bandar serta petani moden kepada sumber tenaga sedia ada akan dapat dikurangkan.



“Persediaan emosi dan kemahiran urus pekerja sama penting apabila berdepan dengan pekerja ladang”

Flora Toisin
Graduan UPM

Flora tabah hadapi cabaran latihan industri

SERDANG: Daya tahan emosi dan kebijaksanaan mengendalikan pelbagai diterima bekerja sebagai kerentenah pekerja perlu dimiliki wanita yang ingin mencuburi bidang didominasi lelaki.

Pengalaman menyelia lebih 100 pekerja ladang kelapa sawit ketika menjalani latihan industri selama enam bulan menyedarkan graduan

Universiti Putra Malaysia (UPM), Flora Toisin, 21, mengenai hakikat itu.

Kesungguhan Flora menangani cabaran seumpama itu berbaloi apabila lulus program Diploma Pertanian (Opsyen: Industri Perladangan)

dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.50 selain diterima bekerja sebagai pembantu pengurus ladang di Tiger Estate, Tawau, Sabah, ladang milik syarikat perladangan kelapa sawit terbesar, Sime Darby Plantation Sdn Bhd.

“Pengajaran diperoleh ketika latihan industri menjadi pegangan saya terutama apabila diterima berkhidmat sebagai pembantu pengurus ladang di sebuah ladang milik Sime Darby sejak 1 Jun lalu,” katanya ketika ditemui selepas sesi ketiga Majlis Konvokesyen Ke-32 UPM, di sini, semalam.